

## WOODBALL

### 1. PERATURAN TEKNIKAL

#### 1.1 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Sukan MASUM yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### 1.2 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Kecuali apa yang tersebut di dalam Peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka undang-undang permainan yang dikeluarkan oleh Persatuan Persatuan Woodball Antarabangsa hendaklah diikuti.

#### 1.3 PENDAFTARAN PEMAIN/PEMBENTUKAN PASUKAN

1.3.1 Setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan **lelaki** seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	5 orang
JUMLAH		7 orang

1.3.2 Setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan **wanita** seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	4 orang
JUMLAH		6 orang

1.3.3 Pendaftaran pemain hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa pengelola pada tarikh yang telah ditetapkan

1.3.4 Hanya pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan bermain dalam pertandingan ini.

## 2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

### 2.1 SISTEM PERTANDINGAN

#### 2.1.1 Permainan Dipertandingkan dalam bentuk :-

- Berpasukan Lelaki
- Individu Lelaki
- Berpasukan Wanita
- Individu Wanita

### 2.2 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

#### 2.2.1 Pemenang Kategori berpasukan akan ditentukan melalui :

2.2.1.1 Bagi kategori berpasukan lelaki dan wanita jumlah pukulan 4 pemain terendah bagi 48 gate akan diambil kira untuk menentukan pemenang.

2.2.1.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambilkira jumlah Gate In One (GIO), eagle, birdie atau par paling banyak bagi keseluruhan empat pemain dalam kumpulan tersebut. Jika masih seri, pengiraan OCB (On Count Back) akan dibuat dimana pengiraan dilihat melalui jumlah pukulan terendah 12 gate pertama.

#### 2.2.2 Pemenang Kategori Individu

2.2.2.1 12 pemain lelaki dan 12 pemain wanita terbaik akan dipilih untuk bermain dikategori ini dan keputusan akan ditentukan dengan jumlah pukulan terendah di dalam 12 gate (Perlawanan baru).

2.2.2.2 Jika seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambilkira jumlah Gate In One (GIO), eagle, birdie atau par paling banyak. Jika masih seri, pengiraan OCB (On Count Back) akan dibuat dimana pengiraan dilihat melalui jumlah pukulan terendah 12 gate pertama.

### 3.0 PAKAIAN / ALAT

Seluar panjang slack atau track bottom dan T-Shirt serta berkasut sukan. Seluar jeans adalah dilarang sama sekali. Alat permainan iaitu mallet dan bola yang digunakan adalah dari jenama Hui King sahaja dibenarkan.

### 4.0 KELEWATAN

Masa diberi 15 minit dari mula masa permainan. Sekiranya lewat kesemua pasukan dibatal dari menyertai perlawanan

### 5.0 MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH

Peraturan Am Sukan MASUM digunapakai

### 6.0 BANTAHAN

Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi tatacara bantahan dalam Peraturan Am Sukan MASUM.

### 7.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA / DIBERHENTIKAN

Sekiranya cuaca buruk, penglihatan kurang jelas, kekurangan gelanggang dan masa, jawatankuasa kerja berkuasa mengadakan tiap-tiap perlawanan kepada 12 fairway sahaja di mana pemain yang mendapat pukulan terendah bagi 12 gate pertama.

### 8.0 HADIAH

Hadiah akan disediakan oleh pihak MASUM untuk pemenang-pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga bagi setiap acara dipertandingkan

